



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/03/36 (HQ)

KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN ELEKTRIK PERINGKAT NEGERI PAHANG

Menyedari perlunya pendedahan terhadap penggunaan elektrik secara selamat, Tenaga Nasional Berhad, mendekati orang awam melalui penganjuran Kempen Kesedaran Keselamatan Elektrik (KKKE) Peringkat negeri Pahang pada hari ini yang dirasmikan oleh Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Pejabat Pendidikan Negeri Pahang, Tuan Haji Mohd Rauf.

Program ini dilaksanakan setiap tahun sejak 2008 dengan menasarkankan guru-guru dan murid-murid sekolah rendah sebagai peserta. Pada tahun 2015, TNB masih menasarkankan kempen ini kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 4 dan 5, seperti tahun sebelumnya.

Program ini telah berjaya mengumpul penglibatan sebanyak 10,000 orang guru dan pelajar serta 2,000 buah sekolah rendah dan menengah dari seluruh Semenanjung setakat ini.

Pengurus Besar (Pengurusan Strategik & Pembangunan), Bahagian Penghantaran TNB, Nik Azizon Nik Hassan, dalam ucapan aluannya berkata, kempen ini melibatkan sesi ceramah, pameran keselamatan, dan acara-acara berkaitan kesedaran keselamatan elektrik. Perlaksanaan kempen ini adalah sebagai usaha jangka panjang TNB untuk membantu mengurangkan kadar kemalangan elektrik akibat kecuaiian.

“Apa yang dilakukan TNB merupakan Tanggungjawab Korporat kepada masyarakat agar lebih peka terhadap penggunaan tenaga elektrik yang selamat sekali gus mengelakkan kecuaiian yang boleh mengakibatkan kemalangan elektrik,” tambah beliau.

Berdasarkan statistik kemalangan elektrik yang dikeluarkan Suruhanjaya Tenaga (ST), bagi tahun 2014, sebanyak 64 kes kemalangan elektrik telah berlaku di seluruh negara iaitu 27 kes adalah maut manakala 37 kes tidak maut. Manakala bagi negeri ini, hanya 5 kes kemalangan elektrik dicatatkan

Turut hadir adalah Yang Dipertua Majlis Daerah Rompin / Pegawai Daerah Rompin, YB Dato' Fadzila Haji Salleh, Ketua Kawasan (Pahang), Suruhanjaya Tenaga, Che Aziz Abdullah dan Timbalan Naib Canselor UNITEN Kampus Muadzam Shah, Prof. Dr. Mohd. Zamri bin Yusof.

Dikeluarkan di Pahang, pada 28 Mac 2015

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md. Derus Bunchit 019-266 2296, atau, Maizatul Nadiah Saadon 017-381 6602, atau, Raja Mohd. Aman Shah 019-216 8687.